

ORANG ISLAM YANG TERKEMUKA

ALMARHUM LIAQUAT ALI KHAN DAN INDONESIA

Almarhum Liaquat Ali Khan dalam masa hayatnya telah bercadang hendak melawat Indonesia tetapi sayang tidak sampai hajatnya disebabkan beberapa perkara yang merintanginya.

Berkenaan lawatannya pujangga "HAMKA" telah menulis sebuah rencana mengalu-alukan kedatangannya dengan Berkata "Jika Nehru dibawa ke Bali, bawalah Ali Khan ke Sumatera".

Sebagai kenang-kenangan rencana ini diperturunkan di sini dari bukunya "Cahaya Baharu" – P.

(oleh HAMKA)

-----*-----*-----

Sehabis hari raya ini tetamu agung akan datang
pula: Liaquat Ali Khan Perdana Menteri negara Pakistan.


Sebagai juga dengan India, perhubungan kita rapat
pula dengan Pakistan. Betapa tidak? Bukankah dia
saudara kembar India?

Jika kita ingat, bagaimana rapat
hubungan sejarah di zaman Hindu
Majapahit dengan India, maka ketika
berdiri kerajaan Melaka Islam,
banyaklah pula hubungan Islam di sini dengan
Islam India. Utus mengutus,
ziarah menziarah, ulama besar dari
sana, mengerjakan agama dalam istana
Pasai dan istana Melaka.

Pakistan, diciptakan menurut
cita-cita penyair Islam yang besar di kurun
ini, iaitu Iqbal. Dilaksanakan oleh
"Quaid-e-Azam" Almarhum Muhammad
Ali Jinnah. Pakistan terdiri
dari dua suku kata "pakia"
ertinya bahagia dan "istan" ertinya
negara. Negara bahagia, Darussalam.
Tetapi dia adalah dari gabungan dari
empat daerah besar yang sebahagian besar

dari penduduknya memeluk Islam, iaitu "pa" (punjab)
"ki" (Kashmir) "is" (Sind) dan "tan"
(Balochistan).

Pemimpin-pemimpin negara di Pakistan sekarang ini sedang
berjuang menegakkan negara itu dengan dasar Islam yang
moden. Bukan feudalisme sebagai Mesir dan bukan
memisahkan agama dari negara, sebagai Turki. Liaquat



Almarhum Liaquat Ali Khan (ditengah-tengah berkaca mata) tatkala ziarah ke makam Almarhum Muhammad Ali Jinnah pada 11 September 1951 iaitu sebelum lima hari sebelum Ali Khan terbunuh. Disebelah kanannya ialah Tuan Din Muhammad Gabenor Singh dan di kirinya al-Haj Khawaja Nizam Al-Din Gabenor General Pakistan yang sekarang memegang jawatan Perdana Menteri Pakistan menggantikan tempat Almarhum Liaquat Ali Khan.

Ali Khan adalah leader besar, perancang dan pejuang dari cita-cita itu.

Mereka adalah ahli-ahli pengetahuan yang telah mendalami falsafah moden dan fahaman berbagai aneka dari Barat. Dengan tidak mengabaikan kemajuan dunia, mereka hendak menegakkan kembali cita-cita besar Nabi Muhammad (SAW), dengan berupa kekuasaan. Duta negeri Mesir di Pakistan, pernah mengeluarkan sebuah buku, menyatakan bahawa “ inilah baharu suatu pruf dari suatu negara Islam moden.”

Pemimpin besar Liaquat Ali Khan akan datang ke mari. Bukan sahaja sebagai membalaas lawatan presiden kita. Bukan sahaja tertarik oleh semangat negara yang sama-sama masih muda, tetapi lebih dari itu adalah didorong oleh ghirah keislaman. Sebab walaupun Islam di sini sebelum mendapat kekuasaan apa-apa, namun kebangunan Indonesia ditilik dari negara-negara Islam adalah suatu pengharapan besar.

Itulah yang mendorong Abdul Man'am, utusan Mesir datang ke mari di zaman kita hebat berjuang, dengan menyeludup. Itulah yang mendorong Abdul Rahman Raufi dari Afghanistan.

Bila beliau sampai ke mari, supaya dilihatnya bahawa di sini Islam itu ada berurat berakar, sebagaimana Hindu berurat berakar di Bali, kita mengharap supaya beliau dibawa juga ziarah ke daerah-daerah yang nampak urat keislamannya itu. Kalau hanya di Jakarta, dia hanya akan terlihat Kali Ciliwung, sambil dari bobroknya keislamannya atau dia hanya akan dibawa ke “Keramat Luar Batang” bekas syirik turun temurun.

Dengan tidak merendahkan keteguhan Islam di Jawa Barat, kita usulkan supaya beliau dibawa melawat ke Sumatera. sebab Jawa Barat belum aman. Di Sumatera pada umumnya, akan beliau melihat bagaimana kesetiaan rakyat kepada pimpinan dan negara dengan



Jenazah Almarhum Liaquat Ali Khan dihadapi oleh Begum Liaquat Ali Khan tatkala dikafankan sedang menteri utusan Surya sedang menadah tangan mendoakan almarhum itu – gambar khas dari Pakistan.

dasar Islam. Terutama di Sumatera Barat beliau akan bertemu dengan pimpinan Islam, yang telah dimulai semenjak zaman Tuanku Imam Bonjol dan dilanjutkan oleh ulama-ulama di awal kurun ini. Masjid-masjid yang indah di tiap-tiap kampung, dari tenaga rakyat sendiri. Sekolah-sekolah agama dan kehidupan agama yang mempengaruhi masyarakat. Perempuannya masih berkurung (bertudung kepala – P). Sama dengan Pakistan. Dan fahamnya sudah mulai moden. Di sana beliau akan bertemu kubur dua sakyang yang dari dua orang ulama yang memimpin rakyat Sumatera Barat berjuang di zmaan revolusi, Syeikh Jambi, Angkatan Dewan Pertimbangan Agung Republik Indonesia dan Syeikh Daud Rashidi Panglima Barisan Sabilillah.

Di Aceh beliau akan menemui kenang-kenangan usaha nenek moyang mendirikan Islam di Indonesia. Perkuburan raja-raja Pasai bekas istana Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam. Di zaman berjuang, Aceh tetap memelihara perjalanan sejarahnya yang gilang gemilang. Dan gabenornya adalah seorang ulama.

Jika dibawa singgah ke Sumatera Timur akan bertemulah

(sambungan pada muka 25)